



**PENSYARAH:** Yusup (tengah) bergambar kenangan bersama pensyarah Tingkatan 6 dan Guru Bimbingan dan Kauseling.

## PTE SMK Labuan, UMSKAL Jayakan Program Motivasi Selangkah Ke Menara Gading UB 22.08.2023 P.04

**LABUAN:** Pusat Tingkatan Enam (PTE) SMK Labuan dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengadakan jaringan dan jalinan bersama dalam Program Motivasi Selangkah Ke Menara Gading pada 19 hingga 20 Ogos lalu.

Pengetua SMK Labuan Mohd Nizam Yasim berkata, program berkenaan disertai seramai 142 pelajar PTE sekolah berkenaan.

Katanya, program itu dilaksanakan 37 pensyarah Tingkatan 6 manakala 13 Guru Bimbingan dan Kauseling Labuan bertindak sebagai fasilitator dan penceramah.

Mohd Nizam berkata, antara objektif program itu ialah meningkatkan ketahanan fizikal dan mental pelajar dalam menghadapi cabaran dan tugas serta memupuk semangat kerjasama berkumpulan dan perpaduan yang mantap antara pelajar.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada UMSKAL kerana selama ini UMSKAL sering membantu pelajar PTE SMK Labuan dan begitu juga kepada guru-guru bimbingan dan kaunseling serta Pensyarah PTE," katanya.

Dalam pada itu, beliau juga berharap program seumpama ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar dalam menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Yusup Mohamad dalam ucapan perasmianya memberikan semangat juang kepada semua pelajar.

"Tiada siapa yang boleh menghalang anda untuk berjaya kecuali anda sendiri.

"Cabaran adalah sebahagian daripada kehidupan. Hendak berjaya adalah satu pilihan.

"Kalau memilih hendak berjaya cabaran di depan akan dihadapi. Tiada jalan pintas untuk berjaya. Kejayaan



**KERJASAMA:** Yusup (dua kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada Ricky Chia sambil diperhatikan Yahya (kiri) dan Mohd Nizam (kanan).



**KONGSI:** Ricky menyampaikan ceramahnya di Podium D UMSKAL.



**FOKUS:** Pelajar Pusat Tingkatan Enam fokus dalam LDK.

adalah hasil daripada perjuangan," jelasnya.

Sepanjang dua hari itu, pelajar mengikuti pelbagai aktiviti termasuk 'Ice-Breaking', Latihan Dalam Kumpulan (LDK), 'Effective Leadership in an Organization' dan '4Ps You or Your Future' yang disampaikan Dr. Ricky serta Ceramah Motivasi dan Ceramah

Teknik Belajar Berkesan.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran Yahya Ahmad Puteh; Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Dr. Ricky Chia Chee Jiun dan Penolong Kanan Tingkatan Enam SMK Labuan Saminan Sabtu.